

6) MASALAH STRATA TITLE DI DUN KOTA DAMANSARA

Adun : Y.B. Tuan Muhammad Izuan Bin Ahmad Kasim (Kota Damansara)

Kategori : Bertulis

Sesi : 2 (2025)

Sub soalan :

- a) Berapakah jumlah rumah bertingkat yang masih belum mempunyai strata title?**

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan rekod semasa melalui Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) serta Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) mendapati, jumlah rumah bertingkat di bawah kategori hartanah harga kawalan yang masih belum mempunyai hakmilik strata di kawasan DUN Kota Damansara adalah sebanyak 18 skim perumahan yang melibatkan anggaran sejumlah 8,425 unit petak kediaman. Usaha penyelesaian isu hakmilik strata ini sedang giat dilaksanakan secara berperingkat melalui kerjasama Pejabat Tanah dan Daerah Petaling, pihak pemaju perumahan, pengurusan bersama (JMB) serta agensi berkaitan.

- b) Adakah kerajaan mempunyai perancangan bagi memastikan rumah ini mempunyai strata title?**

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri telah melancarkan insentif Dana Strata Selangor (DSS) dengan peruntukan sejumlah RM10 juta sebagai dana awalan bagi penyelesaian isu hakmilik strata di Negeri Selangor khususnya bagi perumahan Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah di kawasan Kota Damansara. Walau bagaimanapun bagi perumahan selain Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah juga boleh dipertimbangkan tertakluk kepada justifikasi dan kelulusan Jawatankuasa Induk Dana Strata Selangor. Permohonan bagi insentif DSS ini boleh dibuat dengan melengkapkan borang yang telah disediakan di dalam portal LPHS.

- c) Senaraikan perumahan yang masih belum mendapat strata title bagi DUN Kota Damansara?**

Untuk makluman Yang Berhormat, senarai perumahan yang masih belum mendapat hakmilik strata bagi DUN Kota Damansara adalah sebanyak 10 projek jenis Rumah Kos Sederhana seperti di **LAMPIRAN**.

LAMPIRAN

Nota: Senarai ini adalah berdasarkan rekod semasa Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) dan Pejabat Tanah Dan Galian Selangor (PTGS) yang dikemaskini dari semasa ke semasa bergantung kepada permohonan dan kelulusan hakmilik strata.

BIL	NAMA SKIM PERUMAHAN	LOKASI	KATEGORI RUMAH
1.	Apartment Permai	Seksyen 8, Kota Damansara	Rumah Kos Sederhana
2.	Apartment Cempaka	Seksyen 8, Kota Damansara	Rumah Kos Sederhana
3.	Apartment Kasturi	Seksyen 8, Kota Damansara	Rumah Kos Sederhana
4.	Apartment Bayu	Seksyen 8, Kota Damansara	Rumah Kos Sederhana
5.	Apartment Harmoni	Seksyen 8, Kota Damansara	Rumah Kos Sederhana
6.	Apartment Damai	Seksyen 8, Kota Damansara	Rumah Kos Sederhana
7.	Apartment Kayangan	Seksyen 8, Kota Damansara	Rumah Kos Sederhana
8.	Apartment Sri Meranti	Seksyen 9, Kota Damansara	Rumah Kos Sederhana
9.	Apartment Siantan	Seksyen 9, Kota Damansara	Rumah Kos Sederhana
10.	Apartment Pelangi Damansara (Blok tertentu)	Persiaran Surian, Kota Damansara	Rumah Kos Sederhana